



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 31 MEI 2010

Bagi tempoh 24 jam yang lepas, dimaklumkan bahawa hanya satu (1) laporan kejadian kluster ILI yang baru daripada negeri Pahang seperti yang ditunjukkan di **Lampiran 1** yang disertakan bersama. Terdapat sejumlah 75 kluster ILI yang masih aktif di seluruh negara.

Untuk pemantauan kes ILI yang dirawat di dalam wad hospital di seluruh negara adalah berjumlah 564 kes dan daripada jumlah tersebut 57 kes atau 10.1% disahkan positif influenza A(H1N1). Untuk makluman, jumlah kes H1N1 yang sedang dirawat di ICU ialah enam (6) kes di mana kesemuanya adalah individu yang mempunyai faktor risiko. Jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) adalah berjumlah 14,821 kes dengan 87 kematian. Tiada kematian baru dilaporkan.

Sementara itu, sehingga 28 Mei 2010, jumlah keseluruhan penerima vaksin H1N1 adalah seramai 294,658 orang: iaitu 92,149 orang adalah petugas barisan hadapan KKM, 75,094 orang petugas hadapan bukan anggota KKM (seperti Polis, ATM, Imigresen, BOMBA dan lain-lain), serta 127,415 orang awam dari kumpulan sasar berkeutamaan. Baki dos vaksin yang tinggal ialah lebih kurang 77,000 dos.

Seperti di kebanyakan negara, jangkitan influenza A(H1N1) adalah masih aktif. Orang awam perlu sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Tarikh: 31 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness (ILI)* Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,
Sehingga 8:00 Pagi Pada 31 Mei 2010

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Kediaman di Felda Mempaga Jaya Timur, Bentong, Pahang.	7	3	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes telah dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.